



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 ( 4 )  
Tarikh : 11 November 2022

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2022**

**PELIBATAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA DALAM URUSAN PILIHAN RAYA**

**TUJUAN**

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelibatan Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Urusan Pilihan Raya.

**LATAR BELAKANG**

2. KPM komited untuk memastikan pilihan raya dapat dilaksanakan dengan lancar. KPM sentiasa memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terutama dalam urusan pelantikan pegawai perkhidmatan pendidikan dan kakitangan KPM sebagai petugas pilihan raya serta penggunaan premis institusi pendidikan KPM sebagai pusat mengundi atau pusat penjumlahan rasmi undi.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 36 Tahun 2022 bertarikh 10 November 2022 telah memutuskan supaya SPI baharu berhubung pelibatan institusi pendidikan bawah KPM dalam urusan pilihan raya dikeluarkan.

## **PELAKSANAAN**

4. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan perlu memastikan supaya pihak SPR mendapat kemudahan yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya di institusi pendidikan bawah KPM. Sehubungan dengan itu, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi:

- 4.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pegawai perkhidmatan pendidikan dan kakitangan KPM yang dilantik oleh SPR sebagai petugas pilihan raya melaksanakan tugas sebelum, semasa dan selepas pilihan raya.
- 4.2 Pegawai perkhidmatan pendidikan dan kakitangan KPM yang dilantik sebagai petugas pilihan raya oleh SPR hendaklah mematuhi ketetapan berikut:
  - 4.2.1 dinasihatkan supaya tidak menolak pelantikan;
  - 4.2.2 digalakkan untuk membuat permohonan undi pos; dan
  - 4.2.3 melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.
- 4.3 Ketua Jabatan hendaklah memberikan pelepasan kepada pegawai perkhidmatan pendidikan dan kakitangan KPM yang dilantik oleh SPR sebagai petugas pilihan raya bagi menghadiri taklimat, latihan serta menjalankan tugas sebelum, semasa dan selepas hari mengundi.
- 4.4 Ketua Jabatan perlu memberi kerjasama kepada pihak SPR untuk tujuan kelancaran urusan sebelum, semasa dan selepas hari mengundi.
- 4.5 Ketua Jabatan perlu memastikan bangunan, bilik, kemudahan asas serta peralatan di institusi pendidikan sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih dan selamat.
- 4.6 Ketua Jabatan institusi pendidikan yang digunakan sebagai pusat mengundi atau pusat penjumlahan rasmi undi hendaklah memohon **cuti berganti** kepada Ketua Pendaftar/Pendaftar sekiranya hari mengundi dilaksanakan pada hari persekolahan. Cuti berganti yang boleh dimohon adalah untuk hari sebelum mengundi dan hari mengundi.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1995: Persediaan Pilihanraya Umum bertarikh 6 April 1995 adalah **dibatalkan**.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. NORISAH BINTI SUHAILI)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah  
merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia